

## Pengalaman Guru Menggunakan Kaedah Tahfiz Akhyar bagi Hafazan Surah al-Fatihah Kepada Murid OKU Pendengaran

(*Teachers' Experiences Using the Tahfiz Akhyar Method for Memorising Surah al-Fatihah among Hearing-Impaired Students*)

Muhammad Zaid Abdul Samat

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Adnan Mohamed Yusof

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Norakyairee Mohd Raus

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Article Progress  
Received: 25 January 2024  
Revised: 08 February 2024  
Accepted: 22 February 2024

### Abstrak

Surah al-Fatihah merupakan surah yang sering kali dibaca secara berulang-kali oleh seseorang yang beragama Islam. Hal ini membuktikan bahawa surah al-Fatihah penting dalam kehidupan seseorang Muslim. Surah al-Fatihah ini bukan hanya diamalkan oleh Muslim yang mempunyai pancaindera yang sempurna, malah ia juga boleh diamalkan oleh komuniti OKU. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk meneliti pengalaman guru menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar bagi hafazan surah al-Fatihah kepada murid OKU Pendengaran. Satu kajian kes telah dilaksanakan bagi memperoleh data kualitatif hasil daripada temu bual. Seramai tiga orang tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman lebih lima tahun mengajar Quran menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar kepada OKU Pendengaran. Hasil dapatan kajian, terdapat tiga sub tema yang diperoleh pengkaji hasil daripada maklum balas guru. Antaranya, cabaran yang dihadapi murid, cabaran yang dihadapi guru, dan bahan bantu mengajar menarik.

**Kata Kunci:** Surah al-Fatihah, Murid OKU Pendengaran, Tahfiz Akhyar.

### Abstract

The Surah al-Fatihah is a frequently recited chapter by Muslims, indicating its importance in the life of a Muslim. This surah is not only practised by Muslims with all their senses intact but can also be practised by the differently-abled community. Therefore, the purpose of this study is to examine the experiences of teachers using the Tahfiz Akhyar method for memorising Surah al-Fatihah among hearing-impaired students. A case study was conducted to obtain qualitative data through interviews. Three teachers with more than 5 years of experience in teaching the Quran to hearing-impaired individuals participated in the study. The findings yielded three sub-themes based on teachers' feedback, including challenges faced by students, challenges faced by teachers, and engaging teaching materials.

**Keyword:** Surah al-Fatihah, Hearing-Impaired Students, Tahfiz Akhyar.

## 1. PENGENALAN

Kaedah pengajaran Quran merupakan kaedah yang digunakan pada peringkat awal pendidikan bermula pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat. Pendekatan pengajaran Quran secara hafazan telah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w melalui kaedah pengajaran yang digunakan oleh Malaikat Jibril a.s ketika menyampaikan wahyu yang termaktub dalam surah al-A'la ayat 6 Allah telah berfirman:

سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنْسَى

**Maksudnya:** “Kami sentiasa menjadikan kamu (wahai Muhammad) dapat membaca (al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibrail) sehingga kamu (menghafaznya) dan tidak lupa.”(Terjemahan daripada Abdullah Basmeih, 2022).

Berdasarkan huraiyan daripada tafsir al-azhar karya buya hamka di dalam surah al-a’la ayat 6, “Kami menjadi kamu membaca”. Maksudnya Allah mengutuskan Malaikat Jibril selain daripada membawa wahyu, Malaikat ditugaskan untuk mengajar Nabi Muhammad s.a.w. membaca. “Sehingga kamu tidak lupa”. Pada ayat ini bermaksud bahawa apabila telah diajar maka akan selalu ingat dalam ingatan Nabi Muhammad, sehingga beliau tidak lupa melainkan kehendak Allah.

Menurut Az-Zamakhsyari dalam kitab tafsir Kasysyaf menjelaskan, “*Ini adalah berita gembira daripada Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w yang menunjukkan mu’jizat yang tinggi. Apabila datang Jibril membacakan kepada Nabi Muhammad sampai baginda menghafaz dan membaca, sedangkan baginda seorang Ummi (tidak pandai menulis dan tidak pandai membaca)*”. Ini bermaksud al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan Malaikat Jibrail dengan menggunakan kaedah menghafaz bukan membaca. Sehubungan dengan itu, proses hafazan yang dimulakan oleh Rasulullah s.a.w telah diaplikasikan oleh para sahabat, hal ini menunjukkan pendidikan hafazan al-Quran sejak awal lagi telah bertapak dalam Islam (Abdul Latif & Abdul Hadi, 2020).

Justeru, dalam konteks kajian ini kaedah permulaan yang digunakan oleh murid OKU Pendengaran untuk mempelajari al-Quran adalah melalui kaedah hafazan bukan melalui kaedah bacaan. Oleh itu, kaedah Tahfiz Akhyar merupakan kaedah yang digunakan oleh murid OKU Pendengaran untuk menghafaz al-Quran. Ini selaras dengan kisah Malaikat Jibril yang mengajar Nabi Muhammad pada peringkat awal melalui kaedah hafazan.

Namun, isu penguasaan pembelajaran Quran dalam kalangan murid OKU Pendengaran pada peringkat sekolah rendah dan menengah masih lagi berlaku (Mohd Huzairi Awang 2012; Mustafa Che Omar, Nik Hassan, Abdullah Yusoff & Abdul Hakim 2015; Hamdi Ishak 2016; Dzulkifli, 2020).

Menurut Mustafa Che Omar et al. (2015) menjelaskan murid berkeperluan khas (MBK) khususnya bagi murid OKU Pendengaran mengikuti silibus yang sama seperti murid tipikal dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah Quran. Namun begitu, silibus tilawah Quran ini memerlukan murid OKU Pendengaran untuk menyebut dan membaca Quran, sedangkan masalah utama yang dihadapi oleh mereka adalah sukar untuk mendengar dan menyebut ayat-ayat Quran (Dzulkifli et al., 2020). Kajian ini disokong oleh Hamdi Ishak, Mohd Saad, Mohamad & Noh (2020) & Hamdi Ishak (2016) menyatakan pembelajaran al-Quran adalah isu yang sangat sukar bagi OKU Pendengaran , disebabkan ketidakupayaan mereka untuk mendengar dan mengeluarkan suara atau bunyi. Hasil pemerhatian kajian yang lepas mendapati OKU Pendengaran tidak boleh membaca al-Quran dan pengajaran dan pembelajaran komponen tilawah al-Quran tidak dapat dijalankan disebabkan ketidakupayaan murid dalam pertuturan (Huzairi Awang, 2012).

Oleh disebabkan itu, kaedah Tahfiz Akhyar ini diwujudkan bagi membantu murid OKU Pendengaran untuk mempelajari Quran secara hafazan dengan meraikan kekuatan visual mereka tanpa melibatkan pertuturan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti pengalaman guru menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar kepada murid OKU Pendengaran untuk menghafaz surah al-fatihah.

## 2. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meneliti pengalaman guru menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar bagi hafazan surah al-fatihah kepada murid OKU Pendengaran .

## 3. TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Murid OKU Pendengaran

Murid OKU Pendengaran merupakan golongan yang mempunyai ketidakupayaan untuk mendengar. Menurut Smith, Bale, & White (2005) dan Wilson, Tucci, Merson, & O'Donoghue (2017) menyatakan kehilangan pendengaran merupakan deria biasa berlaku di seluruh dunia, ia menjelaskan lebih daripada satu billion orang. Menurut Mohd Zuri dan Aznan (2011) menyatakan OKU Pendengaran terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu komuniti OKU Pendengaran dan komuniti kurang pendengaran. Komuniti OKU Pendengaran merupakan golongan yang tidak boleh mengenal dan mendengar bunyi disekeliling mereka walaupun menggunakan alat bantuan pendengaran. Golongan OKU Pendengaran ini juga dikenali sebagai kehilangan pendengaran dan dikategorikan dalam masalah pendengaran Smith et al. (2005). Selaras dengan kenyataan Schraer-Joiner (2014)

menyatakan istilah OKU Pendengaran merujuk kepada komuniti OKU Pendengaran yang mempunyai masalah pendengaran pada tahap yang teruk. Manakala, bagi golongan yang kurang pendengaran boleh menerima maklumat dengan bantuan alat pendengaran (Mohd Zuri et al. 2011). Menurut Smith et al. (2005) menyatakan komuniti kurang pendengaran dikategorikan pada tahap OKU Pendengaran ringan dan sederhana. Menurut Scheetz (2004) pula menyatakan terdapat definisi yang berbeza bagi hilang pendengaran (*hearing loss*), kurang upaya pendengaran (*hard of hearing*) dan pekak (*deaf*). Menurut Scheetz kehilangan pendengaran bermaksud sesiapa yang mempunyai kesukaran untuk mendengar dengan jelas. Sebagai contoh warga tua yang kehilangan pendengaran disebabkan faktor umur, disebabkan kemalangan, dan demam panas. Manakala bagi istilah kurang upaya pendengaran adalah merujuk kepada sesiapa yang mengalami kesukaran pada tahap ringan hingga sederhana. Seterusnya, bagi istilah pekak menurut Scheetz adalah individu yang mempunyai kehilangan pendengaran yang teruk.

## 2.2 Teori Pembelajaran

### Teori Pengajaran al-Quran pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabiin

Teori yang digunakan dalam kaedah Tahfiz Akhyar adalah teori yang berasaskan kisah Nabi Muhammad SAW di Gua Hira'. Dalam Sahih Muslim :

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أَنَّهَا قَالَتْ أَوَلُ مَا بُدِئَ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - مِنْ الْوُحْيِ الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ فِي النَّوْمِ ، فَكَانَ لَا يَرَى رُؤْيَا إِلَّا جَاءَتْ مِثْلَ فَلَقِ الصُّبْحِ ، ثُمَّ حُبِّبَ إِلَيْهِ الْخَلَاءُ ، وَكَانَ يَخْلُو بِغَارِ حِرَاءٍ فَيَتَحَنَّثُ فِيهِ - وَهُوَ التَّعْبُدُ - الْلَّيَّالِي دَوَاتِ الْعَدَدِ قَبْلَ أَنْ يَنْزِعَ إِلَى أَهْلِهِ ، وَيَنْزَوَدُ لِذَلِكَ ، ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَى حَدِيقَةِ ، فَيَنْزَوَدُ لِمِثْلِهَا ، حَتَّى جَاءَهُ الْحُقُّ وَهُوَ فِي غَارِ حِرَاءٍ ، فَجَاءَهُ الْمَلَكُ فَقَالَ أَفْرَا . قَالَ « مَا أَنَا بِقَارِئٍ » . قَالَ « فَأَخْدِنِي فَعَطَّنِي حَتَّى بَلَغَ مِنِي الْجَهَدَ ، ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ أَفْرَا . قُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِئٍ . فَأَخْدِنِي فَعَطَّنِي الثَّانِيَةَ حَتَّى بَلَغَ مِنِي الْجَهَدَ ، ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ أَفْرَا . قُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِئٍ . فَأَخْدِنِي فَعَطَّنِي الثَّالِثَةَ ، ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ ( أَفْرَا بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ \* خَلَقَ الإِنْسَانَ مِنْ عَلِقٍ \* أَفْرَا وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ )

(Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Iman, Bab *Bad'u al-Wahy ila Rasulullah Shallallahu alaihi Wasallam*, no: 148)

### **Maksudnya:**

“Dari Aisyah Ummul Mukminin RA bahwa ia berkata, "Pertama turunnya wahyu kepada Rasulullah SAW secara mimpi yang benar waktu beliau tidur. Biasanya mimpi itu terlihat jelas oleh beliau, seperti jelasnya cuaca pagi. Semenjak itu hati beliau tertarik untuk mengasingkan diri ke Gua Hira. Di situ beliau beribadah beberapa malam, tidak pulang ke rumah istrinya. Untuk itu beliau membawa perbekalan secukupnya. Setelah perbekalan habis, beliau kembali kepada Khadijah, untuk mengambil lagi perbekalan secukupnya. Kemudian beliau kembali ke Gua Hira, hingga suatu ketika datang kepadanya kebenaran (wahyu), iaitu sewaktu beliau masih berada di Gua Hira. Malaikat datang kepadanya, lalu berkata, “Bacalah” Nabi menjawab, “Aku tidak bisa membaca”. Nabi menceritakan, “Maka aku ditarik dan dipeluknya hingga aku kepayahan”. Lalu aku dilepaskannya dan disuruh membaca. Malaikat berkata “Bacalah”. Aku menjawab “Aku tidak bisa membaca”. Maka aku ditarik dan dipeluknya hingga aku kepayahan. Lalu aku dilepaskannya dan disuruh membaca. “Bacalah”. Aku menjawab “Aku tidak bisa membaca”. Maka aku ditarik dan dipeluknya untuk kali ketiga. Kemudian aku dilepaskan seraya ia berkata “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan. Yang menjadikan manusia dari segumpal darah. Bacalah! Demi Tuhanmu yang Maha Mulia”.

#### **a. Teknik mendengar atau melihat**

Teknik diperdengarkan dan diperlihatkan mushaf di dalam al-Quran adalah merupakan satu proses pemindahan ilmu pengetahuan. Al-Quran merupakan sumber terawal dalam tamadun manusia yang membicarakan tentang kehebatan deria pendengaran. Berdasarkan ayat al-Quran di dalam surah al-Isra' ayat 36 yang membicarakan tentang pendengaran iaitu (السماع) berbanding dengan deria penglihatan (البصر). Hal ini kerana, deria pendengaran merupakan adalah deria yang paling awal terbentuk, iaitu pada peringkat janin lagi. Pada bulan kelima, janin sudah boleh mendengar. Oleh itu, dalam kaedah Tahfiz Akhyar murid OKU Pendengaran akan diperdengarkan surah al-Fatiyah terlebih dahulu sebagai proses untuk mereka menghafaz. Bagi murid OKU Pendengaran mereka mempunyai sisa baki pendengaran untuk mendengar ayat-ayat Allah dan bagi murid yang mengalami OKU Pendengaran sangat teruk akan diberikan peluang untuk mendengar. Hal ini kerana, al-Quran itu adalah syifa' dan membawa rahmat kepada manusia termasuk murid OKU Pendengaran . (Norakyairee & Syar Meeze, 2019)

#### **b. Teknik peluk atau talaqi dan mushafahah**

Teknik memeluk juga merupakan antara teknik yang digunakan oleh pakar terapi dalam konteks terapi carakerja (*Occupational Therapy*) dalam modifikasi tingkah laku anak-anak istimewa. Teknik dilaksanakan pada anak-anak yang mempunyai tingkah laku hyperaktif iaitu anak-anak yang tidak boleh duduk diam dan tidak mapu untuk fokus dalam tempoh yang lama. Manakala, anak istimewa yang hypo dan tidak mempunyai tingkah laku dan boleh duduk diam akan menggunakan teknik talaqi dan mushafahah iaitu pembelajaran al-Quran dilaksanakan secara berhadapan dengan murid dan guru. Bagi murid OKU Pendengaran tidak mempunyai masalah tingkah laku hyperaktif, kerana

mereka dikategorikan kecacatan yang tidak nampak daripada segi fikiran seperti murid tipikal. (Norakyairee & Syar Meeze, 2019)

### c. Teknik pengulangan

Teknik pengulangan merupakan teknik yang menjadi asas kepada kaedah tahniz al-Quran dan hafazan al-Quran. Pengulangan akan dilakukan sebanyak 20 kali dengan menggunakan borang pengulangan. Kaedah ini juga sesuai digunakan kepada murid OKU Pendengaran murid OKU Pendengaran dalam pelaksanaan kaedah Tahniz Akhyar. Murid OKU Pendengaran yang mempunyai sisa baki suara akan membaca dan mengulang surah al-Fatihah. Manakala bagi murid yang tidak mempunyai sisa baki suara, guru akan membaca dan murid akan tunjuk setiap ayat yang diulang. (Norakyairee & Syar Meeze, 2019)

### 2.3 Pengajaran Kaedah Tahniz Akhyar

Modul Kaedah Tahniz Akhyar ini telah diperkenalkan oleh Yayasan Pendidikan al-Quran bagi anak istimewa dibawah kendalian Dr. Norakyairee Mohd Raus dan Dr. Syar Meeze Mohd Rashid pada tahun 2019. Menurut Norakyairee & Syar Meeze (2019) menyatakan kaedah Tahniz Akhyar merupakan satu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui kaedah menghafaz Quran bagi membantu OKU masalah pembelajaran dan OKU Pendengaran . Selain itu, kaedah ini juga berasaskan teknik Nabawi melalui hafazan Quran, bacaan dalam solat, doa, zikir, selawat dan sebagainya mengikut tahap kemampuan dan kekuatan OKU tersebut (Norakyairee & Syar Meeze, 2019).


Menurut Norakyairee & Syar Meeze (2019) menyatakan pelaksanaan pengajaran kaedah Tahniz Akhyar ini perlu melalui panduan asas serta tiga fasa. Antara panduan asas yang perlu dilaksanakan dalam Tahniz Akhyar adalah:

- i. Murid perlu mengambil wuduk sama ada secara kendiri atau dengan bantuan guru.
- ii. Murid akan diperdengarkan surah al-alaq ayat 1 hingga 5 sebanyak 33 kali dengan 3 kali pertemuan dengan guru. Setelah itu, proses surah hafazan bermula sama ada bermula hafazan surah-surah pendek atau bermula surah al-fatihah berdasarkan kurikulum yang telah sedia ada.
- iii. Seterusnya, bagi murid berkefungsian rendah akan diperkenalkan Quran secara berulang kali membuka dan menutup Quran, mengambil dan meletakkan Quran pada kedudukannya. Sekiranya, murid berkefungsian tinggi guru akan memperkenalkan Quran kepada murid secara lebih mendalam. Sebagai contoh mengenal indeks, juzuk, mengenal surah makkiyah dan madaniah dan sebagainya.

Setelah murid memahami dan mengikuti panduan asas kaedah Tahniz Akhyar, seterusnya murid akan melalui tiga fasa iaitu teknik asas merupakan fasa pertama, fasa kedua pemantapan dan fasa ketiga penilaian. Berikut merupakanuraian bagi setiap fasa:

### i. Teknik Asas (*Talqin, Tartil dan Tikrar*)

Fasa pertama dinamakan *Talqin, Tartil* dan *Tikrar* iaitu fasa diperdengarkan, diperlihatkan, tunjuk, sebut dan pengulangan. Pada fasa ini, murid akan membuka Quran berdasarkan surah hafazan. Sebagai contoh murid akan membuka halaman surah al-Fatihah dan mendengar bacaan daripada guru atau menggunakan pen digital sambil murid akan menunjuk dan sebut (sekiranya murid boleh bertutur) dengan bimbingan daripada guru. Setelah selesai murid mendengar bacaan surah al-fatihah murid akan menggunakan borang *tikrar* (pengulangan) sebagai aktiviti pengulangan bagi menghafaz surah al-fatihah. Pengulangan kebiasaannya akan dilaksanakan sebanyak 20 kali, namun bergantung kepada tahap hafazan murid.




Rajah 1: Pen digital & borang pengulangan/tikrar

### ii. Pemantapan

Fasa kedua merupakan fasa pemantapan, setelah murid melalui fasa pertama dengan mendengar, melihat, menunjuk, menyebut dan mengulang surah al-fatihah secara berulang kali. Fasa pemantapan ini adalah untuk murid mengenal dan menghafaz setiap ayat dan kalimah berdasarkan surah al-fatihah yang telah diperdengarkan pada fasa pertama. Terdapat tiga peringkat pelaksanaan dalam fasa ini, iaitu padanan, susunan bernombor, susunan tanpa bantuan nombor dan penulisan;

### a. Peringkat Pertama (Padanan)

Pada peringkat permulaan ini murid akan diperkenalkan pecahan ayat berpandukan surah hafazan yang telah diperdengarkan pada fasa pertama. Seterusnya, murid diminta untuk meletakkan potongan ayat yang sama secara berulang kali.



Rajah 2: Padanan pecahan ayat dan kalimah

### b. Peringkat Kedua (Susunan bernombor)


Setelah murid dapat menguasai peringkat pertama melalui padanan pecahan ayat yang sama, murid akan berganjak kepada peringkat seterusnya iaitu peringkat kedua susunan bernombor. Pada peringkat kedua ini, murid diminta untuk menyusun pecahan ayat berdasarkan nombor ayat yang diberikan. Sekiranya murid boleh menyusun pecahan ayat mengikut nombor ayat yang betul, ini telah membuktikan murid telah mengenal kedudukan ayat yang telah dihafaz.



Rajah 3: Susunan bernombor pecahan ayat dan kalimah

### c. Peringkat Ketiga (Susunan tanpa bernombor)

Peringkat ketiga merupakan peringkat terakhir bagi aktiviti susunan pecahan ayat dan ia lebih sukar berbanding peringkat pertama dan kedua. Pada peringkat ini, murid akan menyusun susunan pecahan ayat tanpa bantuan nombor. Peringkat ini lebih menguji kemampuan murid untuk menghafaz kedudukan pecahan ayat yang telah dihafaz. Proses pengulangan dalam setiap peringkat diterapkan kepada murid supaya boleh menghafaz setiap ayat.



Rajah 4: Susunan tanpa bernombor pecahan ayat dan kalimah

### iii. Penilaian

Selepas proses pengajaran dan pembelajaran kaedah Tahfiz Akhyar dilaksanakan kepada murid, guru boleh membuat penilaian terhadap pecahan ayat terhadap surah hafazan. Semasa proses penilaian dijalankan guru tidak boleh membantu murid. Hal ini bertujuan, guru boleh melihat tahap penguasaan murid dalam aktiviti hafazan. Menurut Norakyairee & Syar Meeze (2019) kaedah penilaian yang dilaksanakan tidak terlalu tegas terhadap murid, sekiranya hasil penilaian murid masih terlupa, guru perlu usaha untuk melakukan aktiviti pengulangan hafazan kepada murid.

## 4. METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini dilaksanakan secara kajian kes bagi memperoleh data kualitatif melalui temu bual secara dalam talian. Selain itu, dalam penyelidikan kualitatif, proses pemilihan peserta kajian perlu dilaksanakan dengan teliti dan bertujuan (Othman,2012). Oleh itu, pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) yang merujuk kepada sampel kajian yang dipilih oleh penyelidik bagi tujuan tertentu (Patton 2015; Mason 2002; Sabitha 2005). Kaedah persampelan bertujuan ini dipilih supaya peserta kajian yang akan dipilih mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh penyelidik (Chua, 2014). Dalam kajian kes kualitatif, aspek pemilihan peserta kajian kebiasaannya dilaksanakan dengan cara penyelidik mengenal pasti, memilih, dan kemampuan penyelidik untuk mengakses kepada sumber yang membekalkan data mengikut

metodologi kajian yang telah ditentukan (Creswell 2007; Merriam 2009; Mason 2002). Berdasarkan teknik persampelan bertujuan penyelidik telah menetapkan tiga kriteria pemilihan peserta kajian yang melibatkan tiga orang guru:

1. Pengalaman guru mengajar OKU Pendengaran Quran melebihi 5 tahun ke atas.
2. Pengalaman guru menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar melebihi 5 tahun ke atas.
3. Guru mempunyai mempunyai tahap pendidikan ijazah sarjana muda dan sarjana dalam bidang agama atau dalam bidang pendidikan khas.
4. Guru mempunyai kemahiran dalam bahasa isyarat lebih 5 tahun.

Seterusnya, kaedah ini dianalisis melalui transkrip temu bual, rakaman audio dan video. Proses pengumpulan data bagi setiap objektif kajian dalam kajian ini dilaksanakan melalui kaedah pengumpulan data yang sama. Oleh itu, proses menganalisis data bagi semua objektif kajian adalah sama. Bagi memperoleh data kajian yang lebih tepat, penyelidik akan menggunakan aplikasi ATLAS versi 7.5.16 sebagai teknik penganalisisan data. Tujuan Proses analisis data kajian ini dilaksanakan bagi memeriksa data secara lebih terperinci serta mencari tema yang boleh digunakan bagi menghuraikan fenomena yang ingin dikaji oleh penyelidik (Borg & Gall 2003).

## 5. DAPATAN KAJIAN



Rajah 5: Pelaksanaan kaedah Tahfiz Akhyar : Pengalaman guru

(Sumber : Pengkaji 2020)

## 5.1 DAPATAN KAJIAN

### Tema 1 : Cabaran yang dihadapi oleh murid

#### i. Ingatan jangka pendek

Hasil daripada dapatan temu bual dan maklum balas yang diperolehi daripada guru yang mengajar murid OKU Pendengaran surah al-Fatihah. Terdapat cabaran yang yang dihadapi oleh guru dan murid dalam melaksanakan hafazan surah al-Fatihah menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar. Antara cabaran yang dihadapi oleh murid dalam menghafaz surah al-Fatihah menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar adalah masalah murid yang mempunyai ingatan jangka pendek. Hal ini menyebabkan, murid sering kali lupa setiap hafazan surah al-Fatihah yang dihafaz.

“Okay antara cabaran murid aaa... ketika menggunakan kaedah ini dalam sesi pembelajaran aa... ada setengah murid aaa... mereka mudah lupa ataupun masalah ingatan jangka pendek, kerana kaedah ini memerlukan hafazan melalui pengecaman bentuk dan aaa... bentuk ayat dan kalimah dalam al-Quran”

(G1)

“Pengulangan ni mesti berterusan sebab ingatan murid ni agak lemah. Sebabnya ada jugak kajian yang mengatakan komuniti OKU Pendengaran ni mempunyai ingatan jangka pendek jadi pengulangan tu perlu diteruskan sampailah memang dia takkan lupa dah lah”

(G2)

Berdasarkan kajian dan temu bual yang dilakukan, murid sering kali terlupa dalam mengingat dan menghafaz susunan hafazan surah al-Fatihah. Sebagai contoh, apabila murid boleh menghafaz susunan surah al-Fatihah ayat 1 hingga 7, kemungkinan dalam tempoh akan datang murid akan lupa. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada tahap kognitif murid tersebut.

### Tema 2 : Cabaran yang dihadapi oleh guru

#### i. Pengulangan

Hasil daptan daripada maklum balas guru dalam kajian ini mendapati murid menghadapi kesukaran untuk mengingat susunan pecahan kalimah hafazan surah al-Fatihah pada peringkat awal. Murid juga mengambil masa yang agak lama dalam menyusun surah al-Fatihah. Oleh itu, untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid, cabaran guru untuk membuat pengulangan secara berulang kali supaya murid boleh menghafaz setiap perkara yang dipelajari. Ini bertepatan dengan kajian:

“Contoh surah al-Fatihah ayat 1 sampai 7. Mungkin ayat 1 sampai 6 tu mungkin lah cabaran tu tak banyak sangat... orang kata mungkin murid boleh ingat. Tapi bagi ayat ke 7 tu mungkin agak ambik masa lama sikit untuk dia ingat, sebabnya ayat tu terlalu panjang kalau kita tengok berbanding dengan ayat-ayat yang lain. Jadinya, kat situ pengulangan mesti selalu diadakan sekiranya pengulangan itu tidak diadakan mungkin hari ni dia ingat, mungkin hari keesokkan dia tak ingat, okay. Jika pengulangan tu tak selalu diadakan itu akan timbul masalah kat situ murid tdk boleh ingat dengan baiklah”

(G2)

“Erm... saya rasa normal lah bagi orang OKU Pendengaran ni dia disebabkan dia tidak dapat mendengar, jadi dia mudahlah untuk lupa sekiranya dia tidak melakukan ulangan lah. Jadi apa yang penting benda ni kena dilakukan setiap hari lah, maksudnya walaupun dia dah hafaz kita kena ulang sebab kemungkinan besar untuk dia lupa tu aaa... ada”

(G3)

Berdasarkan maklum balas daripada G2 dan G3 cabaran guru dalam mengajar murid OKU Pendengaran menghafaz surah al-Fatihah dengan menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar adalah guru perlu melakukan pengulangan hafazan surah al-Fatihah kepada murid supaya tidak mudah lupa ayat dan kalimah yang mereka hafaz.

## ii. Komunikasi

Selain itu, hasil dapatan daripada temu bual dan maklum balas guru, komunikasi dengan murid OKU Pendengaran juga adalah cabaran yang dihadapi oleh guru semasa mengajar murid menghafaz surah al-Fatihah. Penggunaan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan murid OKU Pendengaran adalah sangat penting. Hal ini kerana, bahasa isyarat merupakan bahasa yang kerap kali digunakan bagi murid OKU Pendengaran untuk berkomunikasi. Oleh itu, guru perlu memahami komunikasi murid dalam bahasa isyarat setiap kali sesi pembelajaran hafazan surah al-Fatihah berlangsung.

“Antara cabaran yang perlu dihadapi oleh guru untuk aaaa... pelaksanaan kaedah Tahfiz Akhyar ini adalah aa... penggunaan komunikasi yang baik diantara guru dan murid-murid. K, seperti kita sedia maklum komunikasi yang perlu dila... aaa... dijalankan untuk murid-murid berOKU Pendengaran ini adalah penggunaan bahasa isyarat, jadi sebagai seorang guru aaaa... penggunaan bahasa isyarat ini yang baik dan mahir perlulah aaa... adil dan dipertingkatkan supaya aaa... pelaksanaan kaedah ini dapat dijalankan dengan sempurna dan aaa... dapat diiii... praktikkan oleh murid-murid tersebut”

(G1)

Penggunaan bahasa isyarat oleh guru semasa sesi pembelajaran membolehkan untuk murid memahami pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Sekiranya, guru tidak dapat berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa isyarat ini menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan oleh guru tidak dapat diperolehi oleh murid.

### Tema 3: Bahan Bantu Mengajar (BBM)

#### i. Bahan Bantu mengajar yang menarik

Hasil daripada maklum balas guru, pelaksanaan kaedah Tahfiz Akhyar merupakan satu kaedah yang sangat sesuai dan sangat membantu murid OKU Pendengaran untuk menghafaz surah al-Fatihah daripada ayat 1 hingga 7. Hal ini kerana, penggunaan bahan bantu mengajar yang berbentuk *puzzle* membolehkan murid lebih selesa dan gembira melakukan aktiviti menghafaz surah al-Fatihah.

“Murid ni didedahkan dulu macam mana dari segi aa... bentuk ataupun ayat surah al-Fatihah 1 sehingga 7, kemudian aa... selepas murid orang kata dah *capture* satu benda tu surah al-fatihah tu dan alhamdulillah Tahfiz Akhyar tu membantu dari segi murid boleh mengingat semula maksudnya kaedah ini tidaklah memboringkan murid supaya murid boleh menyusun dengan baik ikut pada... pada apa yang dia ingatlah”

(G2)

“Jadi apabila kaedah Tahfiz Akhyar ni dia menggunakan puzzle ataupun pecahan kalimah jadi dia melatih...ermmm minda orang OKU Pendengaran itu untuk lebih aaa... mudah untuk dia menghafaz. Lagi satu kaedah Tahfiz Akhyar ni dia adalah satu kaedah yang menyeronokkan untuk orang OKU Pendengaran dan dia membuatkan orang OKU Pendengaran tu berfikir. Jadi bila kita aktifkan dia punya aaa... kemahiran berfikir tu, itulah menyebabkan dia mudah untuk menghafaz. Dia dapat cantum-cantumkan susun nombor ayat, lepas tu kita akan buat pula dengan potongan-potongan kalimah dan kita juga mungkin lepas tu kita boleh uji dia dari segi... dia susun ayat tu daripada 1 atau sehingga 7”

(G3)

“Kalau ikut pendapat saya aaa... kaedah ini seolah-olah macam puzzle, macam permainan. Dia tidak lah boring, maksudnya dia aaa... kalau missal kata asatizah tu pandai gunakan kaedah itu dengan lebih menarik. Contohnya, macam membuat *explorace* ke guna kaedah tu. Maksudnya kalau dia dapat kalimah ni kena pergi cari ke satu tempat tu, cari balik kalimah-kalimah tu sampailah kumpulnya satu surah susun semula. Maksudnya kaedah tu tak lah murid tak *boring*, cumanya asatizah tu sendiri yang memainkan peranan dari segi untuk membuat aktiviti”

(G2)

Pelaksanaan kaedah Tahfiz Akhyar yang menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik memboleh murid menghafaz mengikut kekuatan dan kemampuan murid OKU Pendengaran . Hasil daripada maklum balas guru menunjukkan murid OKU Pendengaran lebih sesuai menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar untuk menghafaz secara susunan disebabkan mereka tidak dapat untuk menyebut setiap ayat dalam surah al-Fatihah.

## 6. PERBINCANGAN

### Tema 1: Cabaran yang dihadapi oleh murid

#### i. Ingatan jangka pendek

Ingatan jangka pendek merupakan masalah yang sering dihadapi oleh murid OKU Pendengaran untuk menghafaz atau mengingat sesuatu. Hal ini kerana, ketidakupayaan pendengaran mereka menjadi masalah untuk mereka mengingat sesuatu pembelajaran. Perkara ini turut dibincangkan dalam kajian Nizaita Omar (2021) Mustafa Che Omar et al. (2015) menyatakan kesukaran murid untuk mengingati sesuatu perkara adalah disebabkan murid tidak dapat menghubungkan perkara yang dilihat dan tidak dapat menyimpan terlalu lama maklumat yang diperolehi dalam memori. Hal ini menyebabkan apa yang dipelajari murid dalam kelas sukar untuk diingati untuk jangka masa yang panjang. Kajian ini disokong oleh Mohd Huzairi Awang et al. (2012) murid mengalami ketidakupayaan pada pendengaran, jadi ia memberi kesan kepada daya ingatan murid tersebut. Selain itu, daripada sudut kemampuan murid OKU Pendengaran untuk membaca menurut beberapa kajian lepas menyatakan kemampuan membaca mereka berada pada tahap rendah disebabkan oleh daya ingatan berkefungsian rendah (Nunes et al., 2014; Kyle and Cain 2015).

Menurut kajian Jamila, Hanafi, & Rosadah Majid (2012) dan Mustafa Che Omar et al. (2015) telah membuktikan masalah ingatan jangka pendek sering kali berlaku kepada seseorang yang mempunyai OKU Pendengaran . Oleh disebabkan itu, murid OKU Pendengaran yang memperoleh sesuatu maklumat tidak mampu untuk bertahan terlalu lama. Ini menyebabkan murid OKU Pendengaran tidak dapat menghubungkan sesuatu maklumat yang dilihat dengan objek yang lain. Jadi, mereka mudah lupa berbanding dengan murid tipikal yang boleh menghubungkan maklumat yang dilihat dengan objek lain serta maklumat tersebut bertahan lama dalam ingatan. Oleh itu, guru perlu membuat proses pengulangan secara berulang kali supaya murid tidak mudah lupa sering mengingat setiap hafazan ayat dan kalimah surah al-Fatiyah (Zaid & Rosadah, 2020)

### Tema 2 : Cabaran yang dihadapi oleh guru

#### i. Pengulangan

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mustafa Che Omar et al. (2015) dan Mohd Huzairi, Hajarul, & Rahimin (2012) menyatakan murid OKU Pendengaran mempunyai ingatan jangka pendek dan sering kali mudah lupa disebabkan oleh ketidakupayaan pendengaran mereka untuk mendengar. Pengulangan perlu dilakukan oleh guru dalam setiap pembelajaran yang dipelajari oleh murid OKU Pendengaran . Hal ini kerana, murid OKU Pendengaran menghadapi kekangan untuk mengingat perkara yang dipelajari. Menurut Jamila et al. (2012) menyatakan murid mudah lupa sekiranya guru memberi pengajaran dalam bentuk ayat. Oleh disebabkan itu, guru perlu membuat pengulangan secara berulang kali supaya murid tidak mudah lupa dan mudah untuk menghafaz (Zaid Abdul Samat & Rosadah Abd Majid 2020). Selain itu, menurut Norzuraina Mohd Nor (2021) menyatakan guru

menggunakan kaedah chalk and talk supaya dapat memberikan kefahaman kepada murid OKU Pendengaran . Namun, sekiranya murid menghadapi masalah untuk faham, guru akan menerangkan secara berulang kali sehingga murid dapat menguasai pembelajaran tersebut. pelaksanaan kaedah Tahfiz Akhyar ini merupakan satu kaedah yang membantu murid OKU Pendengaran untuk mengenal dan menghafaz al-Quran. Oleh itu, kaedah ini sangat sesuai digunakan kepada murid OKU Pendengaran . Pengulangan merupakan aspek yang sangat penting bagi memastikan ayat yang dihafaz benar-benar diingati dan membolehkan murid fokus dalam hafazan (Saleh, Hussin, Ismail Abd Ghani, Yusoff, & Hussin. 2017).

Dalam konteks kajian ini, kaedah hafazan ini menggunakan kaedah pengulangan, supaya ia dapat memberikan murid hafaz dan ingat surah al-Fatihah. Ini bertepatan dengan Teori Pengajaran al-Quran pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabiin. Pada teori ini mengfokuskan kepada teknik pengulangan yang dilakukan oleh malaikat Jibril mengulang sebanyak tiga kali kepada Nabi Muhammad SAW untuk membaca al-Quran. Justeru, kaedah pengulangan akan dilakukan sebanyak 20 kali dengan menggunakan borang pengulangan. Kaedah ini juga sesuai digunakan kepada murid OKU Pendengaran dalam pelaksanaan kaedah Tahfiz Akhyar. Murid OKU Pendengaran yang mempunyai sisa baki suara akan membaca dan mengulang surah al-Fatihah. Manakala bagi murid yang tidak mempunyai sisa baki suara, pengkaji akan membaca dan murid akan tunjuk setiap ayat yang diulang.

## ii. Komunikasi

Hasil perbincangan yang dapat dibincangkan dalam dapatan kajian terhadap komunikasi diantara guru dan murid adalah sangat penting semasa sesi pembelajaran al-Quran berlangsung. Komunikasi yang kebiasaannya digunakan oleh murid OKU Pendengaran adalah bahasa isyarat. Oleh itu, guru yang mengajar murid OKU Pendengaran perlu mahir dalam berkomunikasi dengan murid menggunakan bahasa isyarat. Hal ini kerana, bahasa isyarat merupakan bahasa yang digunakan oleh komuniti OKU Pendengaran untuk berkomunikasi. Selain itu, komunikasi bukan hanya sekadar bahasa isyarat, namun menurut kajian Bahariah, Azmil & Hamdi (2021) menyatakan komunikasi gerak badan juga digunakan sebagai salah satu usaha untuk memberi kefahaman kepada murid dalam PdPc Menurut Izuli Dzulkifli (2020) menyatakan guru kurang mahir dalam menggunakan bahasa isyarat semasa menyampaikan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid OKU Pendengaran . Hal ini kerana, menurut kajian Siti Muhibbah & Zetty Nurzuliana (2018) guru dalam bidang pendidikan khas mempunyai pengetahuan yang terhad tentang Pendidikan Islam mengajar murid OKU Pendengaran . Ini menyebabkan murid tidak dapat maklumat apa yang dipelajari. Hal ini menjadi kebimbangan kepada guru untuk mengajar di dalam kelas. Menurut kajian Zulkifli, Mokhtar Tahar, & Hanafi (2010) guru-guru yang dalam bidang Pendidikan Islam dan mengajar murid OKU Pendengaran perlu diberikan kursus untuk mempelajari bahasa isyarat, supaya mudah untuk

berkomunikasi dengan murid semasa sesi pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Kajian ini juga turut disokong oleh Aidah Alias, Nadzri, Fariza, Hasmadi, & Farihan (2016) mereka menyatakan seorang tenaga pengajar yang ingin mengajar murid OKU Pendengaran memerlukan latihan yang khas dalam bidang bahasa isyarat.

### **Tema 3 : Bahan Bantu Mengajar (BBM)**

#### **i. Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang menarik**

Hasil dapatan kajian dalam maklum balas guru sebelum ini telah membuktikan penggunaan bahan bantu mengajar di dalam kaedah Tahfiz Akhyar sangat menarik dan sesuai digunakan kepada murid OKU Pendengaran . Hal ini disebabkan oleh bahan bantu mengajar yang digunakan dalam kaedah Tahfiz Akhyar ini meraikan kekuatan visual mereka untuk menghafaz susunan surah al-Fatihah. Selain itu, bahan bantu mengajar yang berbentuk *puzzle* juga memberikan kemudahan dan keselesaan untuk mereka menghafaz dengan lebih baik. Oleh hal yang demikian, penggunaan dan persediaan bahan bantu mengajar yang menarik adalah sangat penting bagi menarik minat murid untuk belajar. (Syar Meeze, Hanafi & Noraidah 2022)

Menurut kajian Hamdi Ishak (2011) sebahagian guru ada yang telah mengubah cara pembelajaran di dalam buku teks yang bersesuaian dengan kekuatan murid pendidikan khas pendengaran. Di samping itu, penyediaan bahan bantu mengajar sangat penting bagi membolehkan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan baik dan murid dapat menggunakan bahan bantu mengajar serta memahami apa yang dipelajari. Kajian ini selaras dengan kajian Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah (2016) iaitu guru perlu menyediakan bahan bantu mengajar yang mengikut kekuatan murid pendidikan khas pendengaran, iaitu dengan menggunakan bahan visual, sebagai contoh kad imbasan, pembelajaran pendidikan Islam yang mempunyai penerangan di dalam bentuk gambar bukan penerangan di dalam bentuk ayat.

Secara kesimpulannya, bahan bantu mengajar di dalam kaedah Tahfiz Akhyar membantu untuk murid OKU Pendengaran menghafaz, memberikan keyakinan kepada mereka untuk menghafaz dan mendekatkan diri kepada al-Quran.

## **7. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, hasil daripada kajian yang melibatkan pengalaman guru dalam menggunakan kaedah Tahfiz Akhyar bagi hafazan surah al-fatihah kepada murid OKU Pendengaran , telah menjelaskan tiga perkara utama. Antaranya, cabaran bagi murid OKU Pendengaran yang mempunyai ingatan jangka pendek, cabaran guru daripada sudut pengulangan pembelajaran al-Quran serta komunikasi dalam bahasa isyarat dan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik. Justeru, guru perlu lebih kreatif serta meningkatkan kemahiran pengajaran, supaya proses pengajaran Quran dapat disampaikan dengan berkesan kepada murid.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* (30) Juz. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abd Latif, M. A. N., & Hadi, A. Z. S. A. (2020). Pembinaan Modul Hafalan Al-Qur'an Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penggunaan Pemahaman Al-Qur'an Dalam Kalangan Huffaz. O-JIE: Online Journal of Islamic Education, 8(1), 1-26.
- Aidah Alias, Nadzri Mohd Sharif, Nor Fariza Baharuddin, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Farihan Zahari. 2016. Penerokaan Kesan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Visual Imej dalam Kalangan Murid Cacat Pendengaran. *Jurnal Komunikasi*. 32(1): 335-350.
- Al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud bin Umar (2009). *Al-Kasysyaf „an Haqā“iq Ghawamid al-Tanzīl wa „Uyūn al-Aqāwīl fi Wujūb al-Ta“wīl*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Baharudin, N. S., Razalli, A. R., & Shaffeei, K. (2023). Analisis keperluan pembangunan aplikasi "E-Ibadah" dalam Pengajaran Pendidikan Islam Murid Ketidakupayaan Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 15-32.
- Dzulkifli, I. (2021). Teaching and Learning Aids to Support the Deaf Students Studying Islamic Education. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(4).
- Hamdi Ishak. 2011. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran): Satu kajian kes. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka, B. (1982). *Tafsir al-Azhar Buya Hamka*. Ahadi Kurniawan.
- Jamila K.A Mohamed Kutty, Mohd Hanafi Yassin & Rosadah Majid. 2012. Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Melayu bagi Murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2(2): 111-127.
- Kyle, F. E., & Cain, K. (2015). A Comparison of Deaf and Hearing Children's Reading Comprehension Profiles. *Topics in Language Disorders*, 35(2), 144–156.
- Mohd Huzairi Awang @ Husain, Hajarul Bahti Zakaria & Rahimin Affandi Abd Rahim. 2012. Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru. *Jurnal Teknologi (Social Science)*. 58: 135- 139.
- Mohd Zuri Ghani, & Aznan Che Ahmad. 2011. Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Berkeperluan Khas. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Zaid & Rosadah Abd Majid. 2020. "Implikasi Kaedah Tahfiz Akhyar Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Surah al-Fatihah kepada Murid Pekak: Implication of Tahfiz Akhyar Method on Learning Surah Al-Fatihah to Hearing Impaired Student". *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*4 (2):34-44.
- Mustafa Che Omar, Nik Hassan Bin Seman, Abdullah Yusoff & Abdul Hakim Abdullah. 2015. Kesukaran Mengajar dan Belajar Al-Quran dalam Kalangan Murid Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. Kertas kerja International Seminar on al-Quran in Contemporary

Society. Anjuran Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. Terengganu, 10-11 Oktober.

Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah. 2016. Analisis Permasalahan Murid Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*. 6: 105-124.

Omar, N. (2021). Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran di Malaysia: Challenges in Teaching and Learning of Fardhu Ain Classes for the Deaf in Malaysia. *Sains Insani*, 6(3).

Nor, N. M. (2021). Communication in Understanding Art Concept During Learning Process for Students with Hearing Impairment. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(1), 66-76.

Norakyairee Mohd Raus, Zaharatul Sophia & Syar Meeze. 2019. *Modul Tahfiz Akhyar*. Nilai: Penerbit Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa.

Nunes, T., Barros, R., Evans, D., & Burman, D. (2014). Improving Deaf Children's Working Memory through Training. *International Journal of Speech & Language Pathology and Audiology*, 2, 51–56.

Saleh, M. H., Hussin, Z., Ismail, Z., Abd Ghani, Z., Yusoff, A. M., & Hussin, H. (2017). Developing an effective Quran Memorization Technique Using Fuzzy Delphi Method. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 7(1), 10-15.

Samat, M. Z. A., & Abd Majid, R. (2020). Implikasi Kaedah Tahfiz Akhyar terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Surah Al-Fatiyah kepada Murid Pekak: Implication of Tahfiz Akhyar Method on Learning Surah Al-Fatiyah to Hearing Impaired Student. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(2), 34-44.

Schraer-Joiner, L. (2014). Music for Children with Hearing Loss: A Resource for Parents and Teachers. New York: Oxford University Press.

Siti Muhibbah & Zetty Nurzuliana. 2018. Peranan Dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran dalam Abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 1(1): 1-8

Smith RJ, Bale JF, White KR. 2005. Sensorineural Hearing Loss in Children. Lancet 365: 879–890.

Syar Meeze Mohd Rashid, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Noraidah Sahari @ Ashaari. (2022).Aplikasi Mudah Alih Untuk Pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia bagi Bakal Guru Pendidikan Khas.

Wilson BS, Tucci DL, Merson MH, O'Donoghue GM. 2017. Global Hearing Health Care: New Findings and Perspectives. Lancet 390: 2503–2515.

Zulkifli Md Ali, Mohd Mokhtar Tahar & Mohd Hanafi Mohd Yasin. 2010. Kesan Bahasa Isyarat Malaysia dalam penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Bermasalah Pendengaran. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*. 1(4): 109 –121.

Muhammad Zaid Abdul Samat (Corresponding author)  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800 Nilai Negeri Sembilan, MALAYSIA  
E-mail: zaidfaqehtnc@gmail.com

Adnan Mohamed Yusof  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800 Nilai Negeri Sembilan, MALAYSIA  
E-mail: [adnan@usim.edu.my](mailto:adnan@usim.edu.my)

Norakyairee Mohd. Raus  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800 Nilai Negeri Sembilan, MALAYSIA  
E-mail: el.akhyari@gmail.com